

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO  
(PUCHONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.05.2015**

**Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada satu pasukan khas akan didirikan untuk menyiasat masalah yang berkaitan dengan 1MDB dan sekiranya ya, sama ada pakar forensik kewangan bebas akan dilantik, siapakah individu-individu lain yang akan turut bersama dalam pasukan dan apakah skop-skop siasatan mereka serta jangka masa yang diberikan atau siasatan, nyatakan juga sekiranya laporan mereka akan dibentang di Parlimen dan diumumkan. Sekiranya tiada pasukan khas, kenapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan keputusan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Ketua Audit Negara telah pun memulakan auditan ke atas akaun 1MDB (*review of accounts*) pada 10 Mac 2015 dan proses tersebut masih lagi dijalankan.

Sebaik sahaja Ketua Audit Negara selesai menjalankan kajian semula akaun 1MDB, hasil auditan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk makluman dan tindakan PAC selanjutnya.